

Khazanah tentukan pengganti

KUALA LUMPUR 18 Okt. – Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menentukan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan dilantik melalui kenaikan pangkat atau memilih calon baharu berikutan keputusan Peter Bellew me-ninggalkan syarikat penerbangan nasional itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, buat masa ini pihaknya masih belum menerima laporan daripada MAB berhubung peletakan jawatan tersebut.

Beliau yang terkejut dengan keputusan peneraju MAB yang berkhidmat kira-kira satu setengah tahun itu bagaimanapun menyifatkan bahawa pemergian Bellew tidak akan menjaskan syarikat penerbangan negara terbabit.

“Kami belum tahu siapa yang akan menjadi pengganti, namun tidak kira siapa sahaja yang akan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pegawai Operasi, agenda transformasi MAB akan tetap diteruskan,” katanya.

Tiong Lai berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka Deepavali Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) di sini hari ini.

Majlis tersebut turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Presiden MAICCI, Tan Sri K. Kenneth Eswaran.

Semalam, Ryanair Ltd. (Ryanair) mengumumkan Bellew akan meninggalkan syarikat MAB dan kembali semula ke syarikat penerbangan yang berasal dari Ireland tersebut dengan memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi bermula pada 1 Disember ini.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 3 | 19 OKTOBER 2017